

TARIKH ADUAN	NAMA PENGADU	NEGERI	TAJUK ADUAN	KETERANGAN ADUAN	MAKLUMAT SIASATAN	NAMA PEGAWAI
18/05/2016	ISHAQ AMARULLAH ITHNIN	JOHOR	PERTANYAAN BERKAITAN JABATAN PENURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	Assalam tuan, Berkaitan dengan pengasingan sisa pepejal, adakah syarikat Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd (PTP) termasuk sekali di dalam peraturan ini?	Tuan/Puan, Untuk makluman Tuan/Puan Syarikat tuan tidak termasuk dalam penggunaan (Akta 672) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Hanya kawasan perumahan sahaja yang menggunakan Akta tersebut. Sehubungan dengan itu pihak tuan perlulah berhubung dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tindakan selanjutnya. Akta 672 telah dikuatkuasakan pada 1. September 2011 di	Pegawai Jabatan Sisa Pepejal
02/06/2016	JUHARI JOBOK	MELAKA	PERTANYAAN BERKAITAN JABATAN PENURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	1.kontraktor yg memungut sampah di rumah2 teres..main campak tong sampah...tk letak tempat asal..smpai pecah tong hitam... 2.org lain yg menompang sampah tk asing kut pengasingan 3. Sampah yg telah dikut dgn baik, alih2 bersepah..sebab anjing,kucing atau binatang lain skalipun... 4.kadang2 sampah bijadual tk dipungut 5.bila dh duduk taman..tong sampah saling bertukar tempat Persoalan ini siapa yg nk bertanggungjawab,adakah 1. Penguatkuasa ?kna pastikan kontraktor kena amanah...masalahnya ramai warga asing yg berkerja pungut sisa pepejal ini..kemp sangat belaku 2.nk saya viral kn kesalahan kontraktor ni ke e-aduan biar CM pn tahu hal2 ni? 3.siapa nk ganti tong2 smpah yg rosak,pecah?	Aduan telah dipanjangkan kepada PPSPPA untuk diambil tindakan segera. Tuan, Terima kasih di atas aduan tersebut. Aduan pihak tuan telah dipanjangkan kepada PPSPPA untuk tindakan selanjutnya. Pihak tuan boleh menghubungi talian 03-2245 9393 untuk pertanyaan berkaitan masalah tersebut. Sekian, terima kasih.	Pegawai Jabatan Sisa Pepejal
20/06/2016	NURHIDAYAH AZIZ	SELANGOR	PERTANYAAN BERKAITAN JABATAN PENURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	Saya ada pertanyaan mengenai sampah tidak boleh di kitar semula. Kami ada beberapa bahan pepejal yang tidak boleh dikitar semula jenis PU, plastik & getah. Dimana harus kami buang sampah-sampah ini? Kami sangat memerlukan bantuan anda untuk pembuangan sampah ini.	Untuk makluman pihak puan, negeri Selangor tidak menggunakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Oleh yang demikian, tanggungjawab pengurusan sisa pepejal dan pembersihan Awam adalah di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam.	Pegawai Jabatan Sisa Pepejal
18/07/2016	WAN HAFIZAL BIN WAN BASRI	PAHANG	PERTANYAAN BERKAITAN JABATAN PENURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA	Saya ingin bertanya, bolehkan pihak pengurusan sisa pepejal memberikan saya senarai pusat kitar semula di kawasan kuantan? . Saya juga memerlukan maklumat pusat kitar semula yang uruskan sisa minyak dapur ?	Tuan, Terima kasih di atas pertanyaan tersebut. Antara pusat kitar semula di kawasan Kuantan adalah seperti berikut:- 1. B.I.N Point, Indera mahkota 2. Masjid Bukit Rangan 3. Perumahan Sungai Isap Murni 4. Kompleks MPK Jalan Bukit Ubi 5. Taman Perumahan Chenderawasih 6. Perumahan Bukit Pelindung, Jalan Tanjung Mahmud 7. Taman Esplanade, Jalan Besar Kuantan 8. Perumahan Jalan mega 2, batu enam 9. Perumahan mahkota Jaya, Batu Enam Belas 10. Perumahan Indera Pura, Jalan Pekan 11. Perumahan Bandar Demansara 12. Perumahan Balok Fine 13. Perumahan Balok Makmur 14. Perumahan Balok Perdana 15. Perumahan Balok Jaya Pihak tuan boleh menghubungi talian 03-20527922 ataupun di talian bebas tol 1-800-88-7472 untuk pertanyaan berkaitan dengan sisa minyak dapur. Sekian, terima kasih.	Pegawai Jabatan Sisa Pepejal